



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP KURSUS
KEMAHIRAN HIDUP PERGURUAN SEKOLAH
MENENGAH DI MAKTAB-MAKTAB
PERGURUAN MALAYSIA**

TENGGU ADLI RAJA OMAR

FPP 1996 2

**PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP KURSUS
KEMAHIRAN HIDUP PERGURUAN SEKOLAH
MENENGAH DI MAKTAB-MAKTAB
PERGURUAN MALAYSIA**

Oleh
TENGGU ADLI RAJA OMAR

**Kertas Projek ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat bagi
mendapatkan Ijazah Master Sains
di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia**

November 1996



PENGHARGAAN

Syukur al-Hamdulillah di atas limpah kurnia-Nya, serta dengan taufiq dan hidayah-Nya, maka projek ini telah dapat disiapkan mengikut jadual. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, Dr. Mohd Ibrahim Nazri yang telah memberi panduan, nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan yang amat banyak dan berkesan.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Bahagian Pendidikan Guru, maktab-maktab perguruan dan guru pelatih yang terlibat kerana telah memberi kerjasama yang amat baik kepada saya untuk melaksanakan kajian ini.

Akhir sekali ucapan penghargaan yang paling istimewa ditujukan kepada isteri dan anak-anak tercinta yang sentiasa mendoakan dan memberi semangat sepanjang tempoh menyiapkan projek ini.

DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI JADUAL.....	vi
SENARAI RAJAH.....	ix
SENARAI SINGKATAN.....	x
ABSTRAK.....	xi
ABSTRACT.....	xiv
BAB	
I	PENDAHULUAN
	Pernyataan Masalah..... 6
	Objektif Kajian..... 7
	Definisi Operasional
	Persepsi..... 8
	Kemahiran Hidup..... 9
	Guru Pelatih..... 9
	Batasan Kajian..... 10
	Kepentingan Kajian..... 11
II	PENULISAN BERKAITAN
	Bidang Kursus..... 13
	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran..... 15
	Penilaian Kursus..... 20
	Kualiti Pensyarah..... 25
	Isu..... 28
	Kesimpulan..... 30
III	METODOLOGI
	Reka Bentuk Kajian..... 33
	Populasi..... 34
	Instrumentasi..... 35
	Prosedur Pengumpulan Data..... 40
	Pemprosesan Data..... 41



	Halaman
IV DAPATAN KAJIAN	
Profil Responden.....	43
Persepsi Responden Terhadap Kepentingan	
Bidang-bidang kursus Kemahiran Hidup.....	48
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.....	66
Kepentingan Bentuk Penilaian	
Kursus Kemahiran Hidup.....	69
Tahap Persetujuan Terhadap Bentuk-bentuk	
Penilaian Kursus Kemahiran Hidup.....	71
Kualiti Pensyarah Kursus Kemahiran Hidup.....	74
Isu-Isu Yang Wujud Semasa Perlaksanaan	
Kursus Kemahiran Hidup.....	78
Rumusan Keseluruhan Aspek Kursus.....	81
V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
Rumusan.....	85
Perbincangan	
Profil Responden.....	89
Persepsi Responden Terhadap	
Kepentingan Bidang-bidang Kursus.....	89
Persepsi Responden Terhadap	
Strategi Pengajaran Pembelajaran.....	90
Persepsi Responden Terhadap Bentuk	
Penilaian.....	93
Persepsi Responden Terhadap Tahap	
Persetujuan Bentuk-bentuk	
Penilaian.....	93
Persepsi Responden Terhadap Kualiti	
Pensyarah.....	94
Persepsi Responden Terhadap Isu-isu Yang	
Timbul Semasa Perlaksanaan Kursus Ini....	96
Cadangan.....	97
Cadangan Kajian Lanjutan.....	99
RUJUKAN.....	101

LAMPIRAN

A	Senarai Maktab Perguruan.....	106
B	Soal Selidik.....	107
C	Surat Kebenaran Daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan.....	115
D	Surat Kebenaran Daripada Bahagian Pendidikan Guru.....	116
	LATAR DIRI.....	117



SENARAI JADUAL

JADUAL		Halaman
1	Taburan Responden Mengikut Jantina.....	44
2	Taburan Taraf Pendidikan.....	45
3	Mata Pelajaran Elektif Di Peringkat SPM/SVM.....	46
4	Taburan Pilihan Kursus.....	47
5	Permohonan Mengikuti Kursus.....	48
6	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Bidang Kursus Kemahiran Manipulatif (Elektrik).....	50
7	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Bidang Kursus Kemahiran Manipulatif (Elektronik).....	51
8	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Bidang Kursus Kemahiran Manipulatif (Enjin).....	52
9	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Bidang Kursus Kemahiran Manipulatif (Kerja Kayu).....	53
10	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Bidang Kursus Kemahiran Manipulatif (Kerja Paip Asas).....	54
11	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Bidang Kursus Kemahiran Manipulatif (Lukisan Teknik).....	55

SENARAI JADUAL (sambungan)

JADUAL		Halaman
12	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Bidang Kursus Kemahiran Manipulatif (Pengurusan Diri dan Perkebunan).....	57
13	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Bidang Kursus Kemahiran Manipulatif (Perdagangan dan Keusahawanan).....	58
14	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Bidang Kursus Kemahiran Manipulatif (Simpan Kira).....	59
15	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Bidang Kursus Kekeluargaan.....	60
16	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Bidang Kursus Pedagogi Kemahiran Hidup.....	62
17	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Bidang Kursus Pengurusan Sumber Pengajaran Pembelajaran.....	63
18	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Keseluruhan Bidang Kursus Kemahiran Hidup.....	65
19	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Kemahiran Hidup.....	68
20	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Kepentingan Bentuk Penilaian.....	71

SENARAI JADUAL (sambungan)

JADUAL		Halaman
21	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Tahap Persetujuan Bentuk Penilaian.....	73
22	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Kualiti Pensyarah Kursus Kemahiran Hidup.....	76
23	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Isu-Isu Yang Wujud Semasa Perlaksanaan Kursus Kemahiran Hidup.....	80
24	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Keseluruhan Aspek Kursus.....	83

SENARAI RAJAH

RAJAH		Halaman
1	Kursus Kemahiran Hidup Perguruan Sekolah Menengah.....	5
2	Bilangan Responden.....	35



SENARAI SINGKATAN

MPBL	Maktab Perguruan Batu Lintang
MPTI	Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim
MPBP	Maktab Perguruan Batu Pahat
MPTB	Maktab Perguruan Tuanku Bainun
KHKMT	Kemahiran Hidup Pilihan Kemahiran Manipulatif Tambahan
KHERT	Kemahiran Hidup Pilihan Ekonomi Rumah tangga
KHPTN	Kemahiran Hidup Pilihan Pertanian
SPN	Sains Pertanian
SPSS	Statistical Package For The Social Sciences
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMV	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
Jum	Jumlah
SP	Sisihan Piawai
PP	Pengajaran Pembelajaran

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains.

PESEPSI GURU PELATIH TERHADAP KURSUS KEMAHIRAN
HIDUP PERGURUAN SEKOLAH MENENGAH DI MAKTAB-
MAKTAB PERGURUAN MALAYSIA

Oleh

TENGGU ADLI RAJA OMAR

November, 1996

Penyelia: Mohd Ibrahim Nazri, Ph. D

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru pelatih terhadap aspek kursus Kemahiran Hidup iaitu kepentingan bidang kursus, strategi pengajaran pembelajaran, kepentingan bentuk-bentuk penilaian, tahap persetujuan bentuk-bentuk penilaian, kualiti pensyarah dan isu-isu yang timbul semasa pelaksanaan kursus Kemahiran Hidup perguruan sekolah menengah di maktab-maktab perguruan. Populasi kajian adalah semua guru pelatih semester empat di lima buah maktab perguruan yang menawarkan kursus tersebut.

Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan keseluruhan guru pelatih menyatakan bidang kursus yang mereka ikuti adalah penting. Mereka juga melaporkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang kerap dijalankan oleh pensyarah adalah amali dan tunjuk cara. Walau bagaimanapun, mereka merasakan aktiviti yang dijalankan bagi setiap bidang kursus masih belum mencukupi. Aktiviti dalam bidang pedagogi juga tidak menjelaskan kefahaman guru pelatih. Dari segi bentuk-bentuk penilaian, keseluruhan guru pelatih merasakan ianya penting tetapi mereka melaporkan penilaian yang dibuat oleh pensyarah tidak sistematik dan secara keseluruhannya mereka tidak berpuas hati dengan penilaian yang dibuat.. Pensyarah didapati dapat mewujudkan hubungan yang rapat dengan guru pelatih dan memiliki kemahiran dalam bidang yang diajar tetapi pengajaran mereka tidak menarik. Manakala isu utama yang ditimbulkan oleh guru pelatih adalah banyak bidang yang perlu mereka pelajari sedangkan masa tidak mencukupi.

Daripada dapatan kajian boleh dirumuskan bahawa aspek-aspek kursus yang dijalankan sekarang secara keseluruhannya sesuai untuk diteruskan kecuali aspek kualiti pensyarah dan beberapa isu yang timbul kurang memuaskan hati guru pelatih. Oleh itu beberapa cadangan dikemukakan antaranya mengadakan kursus kepada pensyarah Kemahiran Hidup dalam aspek penilaian dan pedagogi Kemahiran Hidup. Mengurangkan aktiviti-aktiviti yang boleh mengganggu pembelajaran kursus ini dan memperbanyakkan buku rujukan. Masa untuk mempelajari kursus ini hendaklah ditambah. Para pensyarah juga hendaklah memperbanyakkan aktiviti pengajaran berdasarkan bidang kursus.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies, University Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Science.

**THE PERCEPTION OF TRAINEE TEACHERS TOWARDS THE
SECONDARY SCHOOL LIVING SKILLS COURSE TEACHING
TRAINING AT TEACHERS' TRAINING COLLEGES IN MALAYSIA**

by

TENGGU ADLI RAJA OMAR

NOVEMBER, 1996

Supervisor: Mohd Ibrahim Nazri, Ph. D

The objective of the study is to ascertain the perception of trainee teachers towards the importance of course components, teaching and learning strategies, the importance of forms of assessments, the level of agreement, qualities of lecturers and issues brought up regarding the running of Living Skills course for the secondary school trainee teachers held in the teachers' training colleges in the country. The population involved in this study were trainee teachers of the fourth semesters in five colleges that offer the Living Skills course.



Data were collected using a set of questionnaires developed for the study. The data were then analysed using descriptive statistic. The findings of the study showed that all trainee teachers found that the course they attended is important. They also found that the learning and teaching strategies often used by the lecturers were the demonstration and practical methods. Nevertheless they found that activities used for each course component were inadequate. The activities of methodology were not well understood by the trainee teachers. The trainee teachers agreed that the forms of assessments are important. They revealed that the forms of assessments done by the lecturers were not systematic enough and were not satisfied by the assessments done by their lecturers as a whole. Lecturers were too found able to develop good relationship with the trainee teachers. They have the abilities and skills of the courses they taught but their teaching approaches were not interesting. Among other issue raised by trainee teachers was the many topics and skills need to be learned within limited time.

The conclusion for the study is that the courses taught in the teachers training colleges as a whole should be carried on, except for the aspect of qualities of lecturers and issues raised by trainee teachers that must be looked upon to. Therefore, there are suggestions being made. First, courses on assesment techniques and methodology of the Living Skills must be given to the lecturers. Activities that might distract the teaching and learning of Living Skills course should be reduced. The time allotted for teaching and learning of the subject must be increased and more reference books must be made available. Lecturers too, should increase the number of teaching and learning activities based on the course components taught.



BAB I

PENDAHULUAN

Institusi Pendidikan guru memainkan peranan penting dalam menyediakan guru-guru terlatih, bukan sahaja bagi tujuan penyebaran ilmu pengetahuan tetapi juga bagi membina masyarakat, selaras dengan aspirasi negara. Sebarang perubahan dasar negara sejak zaman sebelum merdeka lagi, pasti melibatkan perubahan kepada sistem pendidikan sekolah yang sekaligus mengheret sama, sistem pendidikan perguruan. Reformasi pendidikan telah dilakukan beberapa kali selaras dengan aspirasi kerajaan yang mahukan setiap sektor industri mempunyai tenaga kerja mahir dan separuh mahir dari kalangan rakyat tempatan. Reformasi pendidikan bertujuan untuk memperbaiki, mengukuh serta meningkatkan lagi mutu pendidikan. Perubahan ini melibatkan matlamat pendidikan, kaedah, struktur persekolahan, kurikulum, ko-kurikulum dan budaya sekolah. Reformasi pendidikan secara umum tidak mungkin berlaku tanpa melibatkan pendidikan perguruan. Bahagian

Pendidikan Guru dipertanggungjawabkan membuat pembaharuan dan penyesuaian selaras dengan reformasi kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Menurut Romberg dan Price (1983), tindakan yang diambil untuk mengubah kurikulum harus disedari sebagai satu perkara semulajadi. Ini adalah jelas jika kita perhatikan keadaan di dalam sistem-sistem pendidikan di beberapa buah negara seperti Thailand, Indonesia, Singapura, Brunei, Zaire, New Zealand dan lain-lain (UNESCO, 1986).

Dalam setiap sistem pendidikan perubahan yang dimulakan itu perlu memberi kesan positif, tetapi ini bukan perkara mudah. Kebanyakan penyelidikan yang dilakukan dalam tahun 1960-an dan tahun 1970-an menunjukkan bahawa kegagalan dan perkembangan, penyerapan, pengedaran dan pelaksanaan kurikulum baru adalah satu amalan yang biasa (Fullan, 1982).

Dari tinjauan sejarah nampak jelas bagaimana perubahan telah berlaku di dalam kurikulum perguruan. Sejak pemerintahan British lagi, maktab perguruan yang didirikan ketika itu telah menawarkan kursus-kursus yang berkaitan kemahiran hidup atau pra-vokasional. Kebanyakan maktab perguruan pada masa itu menawarkan mata pelajaran seperti perkebunan, teknik menganyam, kerja menjahit dan lain-lain lagi yang berkaitan kemahiran tangan untuk memenuhi permintaan sekolah.

Pada tahun 1965 Sistem Aneka Jurusan pula mula dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah rendah dengan menawarkan mata pelajaran elektif iaitu Sains Pertanian, Sains Rumah tangga, Seni Perusahaan dan Perdagangan. Sehubungan dengan ini maktab perguruan juga telah menawarkan kursus-kursus tersebut untuk melahirkan guru-guru yang berkelayakan.

Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) sistem persekolahan dipinda lagi antaranya penawaran mata pelajaran baru iaitu Kemahiran Hidup. Mata pelajaran ini digubal dan mula

dilaksanakan di sekolah-sekolah dan maktab perguruan pada tahun 1989 untuk menggantikan sistem aneka jurusan. Antara perakuan-perakuan yang disarankan di dalam Laporan Jawatan Kuasa Kabinet 1979 yang membawa kepada penawaran mata pelajaran Kemahiran Hidup adalah seperti berikut:

“Adalah diperakukan bahawa kurikulum peringkat menengah rendah hendaklah berupa perkembangan dari kurikulum sekolah rendah, iaitu memperkukuhkan lagi pendidikan asas dan memperkenalkan pendidikan umum yang juga merangkumi aspek-aspek pendidikan pra-vokasional” dan

“Pendedahan murid-murid kepada bidang teknik dan vokasional di peringkat menengah rendah amatlah terpisah sehingga ia merupakan satu usaha ke arah pengkhususan. Oleh yang demikian adalah diperakukan supaya kurikulum mata pelajaran elektif di peringkat ini diubah pada strukturnya. Sukatan pelajaran yang ada hendaklah digubal semula dengan tujuan supaya pendedahan murid-murid kepada pelajaran teknik dan vokasional tidak hanya terhad kepada bidang satu mata pelajaran elektif sahaja tetapi juga ilmu pengetahuan yang penting dari bidang-bidang elektif lain”.

(Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 m.s 104)

Kursus Kemahiran Hidup yang ditawarkan di maktab-maktab perguruan adalah bagi menyediakan guru-guru yang berkelayakan untuk mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah-sekolah menengah rendah.

Rangka kursus Kemahiran Hidup Perguruan Sekolah Menengah yang perlu diikuti oleh guru pelatih selama empat semester di maktab perguruan adalah seperti yang terdapat pada rajah 1.

Rajah 1

Kursus Kemahiran Hidup Perguruan Sekolah Menengah

Bahagian Teras	Kemahiran Manipulatif Perdagangan dan Keusahawanan Kekeluargaan Pedagogi Kemahiran Hidup Penggunaan Sumber Pengajaran- Pembelajaran
Bahagian Pilihan	Kemahiran Manipulatif Tambahan Ekonomi Rumah Tangga Pertanian

Guru pelatih pengkhususan Kemahiran Hidup Perguruan Sekolah Menengah diwajibkan mengikuti bahagian teras dan memilih satu daripada tiga pilihan.

Pernyataan Masalah

Pelancaran mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah-sekolah telah menimbulkan pelbagai reaksi dari kalangan ibu bapa, pendidik, penyelidik, dan pemikir-pemikir pendidikan.

Keadaan seperti itu tidak berlaku di maktab-maktab perguruan yang menawarkan kursus yang sama kepada guru pelatih. Tidak kelihatan reaksi di mana-mana, begitu juga tidak ada penyelidikan yang dibuat tentang perlaksanaannya. Adakah ini menandakan maktab perguruan telah mempunyai kurikulum Kemahiran Hidup yang lengkap?, tidak mempunyai masalah? dan adakah ianya telah berjaya?. Melalui pengalaman pengkaji mengajar kursus ini di maktab perguruan, dirasakan perlu dibuat kajian untuk meninjau sejauh manakah pelaksanaan kursus Kemahiran Hidup di maktab-maktab perguruan di Malaysia. Kajian ini memberi penekanan ke atas aspek bidang kursus, strategi pengajaran pembelajaran, penilaian kursus, kualiti pensyarah dan isu atau masalah.

Objektif Kajian

Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk meninjau pelaksanaan kursus Kemahiran Hidup di maktab-maktab perguruan di Malaysia.

Objektif kajian secara khusus adalah untuk meninjau persepsi guru pelatih Kemahiran Hidup Perguruan Sekolah Menengah terhadap:

1. **Kepentingan bidang-bidang kursus Kemahiran Hidup.**
2. **Strategi pengajaran pembelajaran kursus Kemahiran Hidup.**
3. **Kepentingan bentuk-bentuk penilaian kursus Kemahiran Hidup.**

4. Tahap persetujuan terhadap bentuk-bentuk penilaian kursus Kemahiran Hidup.
5. Kualiti pensyarah kursus Kemahiran Hidup.
6. Isu-isu yang wujud, semasa pelaksanaan kursus Kemahiran Hidup.

Definisi Operasional

Persepsi

Monroe (1913), mendefinisikan persepsi sebagai pengalaman mental yang timbul apabila seseorang itu dapat mengecam (mengenali) sesuatu objektif yang ditampikan kepada pancainderanya. Ia merupakan jalinan perasaan dan pengalaman lepas.

Dalam konteks kajian, persepsi adalah pentafsiran seseorang guru pelatih terhadap pengalaman, ingatan dan proses